

Siswazah mesti minat belajar bahasa asing

28 MAR 1990

KUALA LUMPUR, Selasa — Siswazah hendaklah menunjukkan minat dan kemahuan untuk mempelajari bahasa asing, termasuk Bahasa Inggeris supaya berjaya dalam kerjaya dan bidang yang diterokai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata mereka tidak akan 'pergi jauh' jika tidak bersungguh-sungguh untuk mempelajari bahasa asing.

"Kita tidak akan ke mana jika tidak mempunyai minat dan kemahuan untuk mempelajari bahasa lain selain bahasa kita sendiri," katanya selepas melancarkan mesyuarat penubuhan Persatuan Pelabur Taipeh di Malaysia di sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian sebagai mengulas laporan Jabatan Tenaga Rakyat yang menyatakan kira-kira 70 peratus pekerjaan untuk pemegang ijazah dan diploma gagal

diisi sehingga akhir tahun lalu, kerana calonnya, terutama Melayu, didapati tidak boleh berbahasa Inggeris.

Menurut laporan itu, mereka juga tidak mempunyai personaliti yang baik dan kedua-dua faktor itu adalah dua sebab utama permohonan pemegang ijazah dan diploma ditolak oleh pihak majikan, khususnya sektor swasta.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bagaimanapun perkara seperti itu bukanlah menjadi masalah bagi mengisi keperluan industri negara ini.

Menurutnya, malah apa yang diperlukan ialah mereka hendaklah berusaha untuk menguasai sedikit sebanyak bahasa lain.

"Oleh kerana, katanya, mereka yang tidak terbabit secara langsung dalam soal pengurusan pun perlu belajar sedikit bahasa asing bagi memudahkan kerja," katanya.